

30 SEP 2001

Gerakan-Resolusi

PERSIDANGAN GERAKAN LULUS TUJUH RESOLUSI

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Parti Gerakan pada hari terakhir persidangan perwakilan nasionalnya hari ini meluluskan tujuh resolusi yang menyentuh pelbagai perkara di dalam bidang ekonomi, politik dan sosial.

Antara resolusi yang dicapai ialah mengenai perlunya usaha mengekalkan kestabilan politik di dalam negara bagi suatu jangka masa yang panjang dengan menolak sebarang bentuk tindakan kekerasan dan keganasan terhadap rakyat yang tidak berdosa di mana jua.

Para anggota perwakilan juga menyokong sepenuhnya cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mendesak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengadakan persidangan antarabangsa mengenai keganasan serta mencari punca dan penyelesaiannya.

Selain itu, para perwakilan juga mengambil ketetapan menentang langkah PAS untuk mendirikan sebuah negara Islam teokrasi di Malaysia.

Satu lagi resolusi ialah menyokong usaha Barisan Nasional (BN) serta kerajaan untuk memelihara perpaduan rakyat dengan menyokong konsep Bangsa Malaysia.

Perwakilan juga mengambil ketetapan untuk mempertahankan fasal-fasal Perlembagaan Persekutuan yang menjamin kebebasan dan hak asasi rakyat Malaysia dan menentang segala cubaan untuk meminda fasal itu yang bertujuan melemahkan hak-hak asasi itu.

Di dalam bidang ekonomi, para perwakilan meminta kerajaan supaya mengembangkan pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC) dengan mengembarkan MSC dengan Pulau Pinang serta pusat-pusat daerah yang lain.

Ia juga mahukan kerajaan meliberalisasikan bidang pendidikan dan kemajuan sumber manusia bagi membolehkan negara mempunyai tenaga manusia yang mencukupi untuk memenuhi permintaan era K-ekonomi.

Menyentuh mengenai bidang pendidikan, perwakilan meluluskan resolusi mahukan kerajaan memastikan bahawa setiap rakyat Malaysia yang mencapai sekurang-kurangnya 4A dalam Sijil Pelajaran Tinggi Malaysia dan 8A dalam Sijil Pelajaran Malaysia, diberikan tempat secara automatik di universiti.

Terdahulu para perwakilan meluluskan 24 pindaan terhadap perlembagaan parti.

-- BERNAMA

MHI AKT RON